

# Syarikat asing kuasai pasaran ekoran kepesatan penggunaan Internet

KUALA LUMPUR 5 DEC 2000

Syarikat-syarikat telekomunikasi asing yang melabur di Malaysia berupaya menguasai pasaran yang besar kerana kadar penggunaan Internet di negara ini mencatat pertumbuhan pesat secara berterusan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, walaupun kadar penggunaan Internet di Malaysia masih kecil tetapi ia mencatat pertambahan besar dari hanya sekitar 90,000 pengguna pada 1996 kepada lebih sejuta orang sekarang.

"Dengan kadar pertumbuhan seperti itu mana-mana syarikat yang berkeyakinan dan melabur dalam industri telekomunikasi dan teknologi maklumat (IT), berupaya mencatat keuntungan," katanya ketika berucap merasmikan perkhidmatan Internet Arcnet NTT MSC Sdn. Bhd., di sini hari ini.

Dr. Mahathir turut memuji komitmen syarikat-syarikat Jepun khususnya NTT Communications Corporation, iaitu syarikat induk NTT MSC dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC) negara sejak dari mula lagi.

Menurut beliau, NTT yang juga merupakan salah sebuah syarikat telekomunikasi terkemuka dunia, merupakan penyokong kuat kepada projek MSC dan sokongan tersebut memberi keyakinan kepada banyak pihak lain.

"NTT merupakan syarikat yang paling awal membuka pejabat penyelidikan dan

pembangunan (R&D) di MSC dan ini menggalakkan kemasyarakatan syarikat-syarikat lain.

"Hasilnya, MSC yang pada mulanya diragui keupayaannya untuk berjaya, membangun pada kadar yang lebih cepat daripada yang dijangkakan," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, pengenalan perkhidmatan baru oleh NTT hari ini pula menambah lagi keyakinan tersebut khususnya untuk meningkatkan kecekapan menjalankan perniagaan di Malaysia.

NTT juga menjadi syarikat asing pertama diberi lesen sebagai pembekal perkhidma-

tan Internet secara menyeluruh di Malaysia.

## Perkhidmatan

Menurut Perdana Menteri, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) akan melakukan segala usaha yang diperlukan untuk memastikan perkhidmatan NTT itu berjaya.

"Kerajaan akan beri segala sokongan kepada pelabur di MSC," katanya.

NTT akan membina sebuah Pusat Data Internet melibatkan penambahan pelaburan sebanyak RM30 juta bagi mengembangkan perniagaannya ke dalam bidang simpanan

data dan perkhidmatan berka-itan Internet.

Dengan pembinaan pusat itu yang dijangka siap awal tahun depan, syarikat tersebut menjangkakan mencatat perolehan tahunan sebanyak RM6 juta.

Ini berikutan cadangan syarikat itu memberi tumpuan kepada bekalan perkhidmatan berasaskan Internet di kalangan syarikat-syarikat dot-com baru.

Syarikat itu juga berusaha meningkatkan perolehannya kepada RM20 juta menjelang tahun 2003, dengan 50 peratus akan diperolehi daripada pusat data dan hos laman web berkaitan dengan e-niaga.